Komitmen tinggi jana pembangunan sosioekonomi

Isnin 25 Februari 2019 Berita Harian

Komentar

Zainal Bahari

Pengurus Besar Jabatan Sosioekonomi dan Projek Khas UMP Advanced

UMP Advanced terus memainkan peranan sebagai ejen perubahan dalam membantu meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat, menerusi penawaran pelbagai program jangka pendek serta kompetensi membabitkan kerjasama pihak awam atau swasta.

Ia selari komitmen Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk memaksimumkan potensi dan kompetensi program jangka pendek, demi menyahut seruan kerajaan dalam menyediakan tenaga kerja mahir dan separa mahir.

Komitmen itu selaras Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), selain tumpuan kerajaan untuk memperkasa program latihan berteraskan Pembangunan Kemahiran Teknikal dan Vokasional (TVET).

Untuk menyokong pelaksanaan, Jabatan Sosioekonomi dan Projek Khas menjalinkan kerjasama dengan beberapa agensi kerajaan. Konsep Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) diguna pakai bagi memastikan setiap program memenuhi keperluan dan standard dikehendaki pasaran.

Satu daripada program yang memberikan impak kepada komuniti ialah pelaksanaan program Empower Wilayah Pembangunan Ekonomi Pantai Timur (ECER) Mahkota.

Mula dilaksanakan sejak 2011, sehingga kini 13,081 peserta luar bandar dilatih mengikuti program latihan akademik kepada pelajar sederhana, lemah dan kurang berkemampuan (B40) termasuk murid Orang Asli.

Kerjasama pelbagai pihak

Program ini mendapat kerjasama baik Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, pegawai daerah dan pemimpin tempatan apabila golongan sasar ini diberi peluang menerusi pelbagai aktiviti sama ada di sekolah, luar sekolah, lawatan ke UMP, kem perkhemahan, program bimbingan pendidikan dan kerjaya termasuk program khas untuk guru dan ibu bapa.

Cukup membanggakan apabila pelajar Orang Asli yang melalui program disediakan, diterima masuk ke sekolah berasrama penuh (SBP), Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) serta melanjutkan pengajian ke menara gading.

Belia termasuk ibu tunggal tidak dipinggirkan. Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan disediakan bagi menimba kemahiran mereka untuk menjadi usahawan.

Hasilnya ramai antara mereka mampu menjalankan perniagaan kecil-kecilan sama ada di rumah atau dalam talian. Modul dibangunkan tidak hanya fokus kepada subjek atau latihan amali, namun didedahkan juga kepada modul tambahan seperti pemasaran digital, pengurusan kewangan dan motivasi keusahawanan.

Modul ini diperakukan pihak Senat dan Majlis Pembelajaran Sepanjang Hayat (MPSH) UMP Advanced.

Mereka yang berjaya menamatkan pengajian dengan memenuhi syarat ditetapkan, layak menerima Sijil Profesional UMP Advanced yang diiktiraf.

Bagi usahawan berpotensi mengembangkan perniagaan mereka, UMP Advanced bekerjasama dengan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) untuk menyediakan ruang bagi mereka memasarkan hasil produk masing-masing.

Sebagai contoh, kompleks pusat pemerosesan hasil laut diberi nama D' Kuala mempunyai 12 lot perniagaan yang merangkumi masing-masing empat unit kilang pemerosesan hasil laut, restoran dan unit gerai jualan. Setakat ini semua lot perniagaan ini beroperasi sepenuhnya.

UMP memeterai memorandum persefahaman (MoU) bersama Perbadanan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera (PERHEBAT) bagi melaksana Program Pembangunan Sosioekonomi Veteran (PPSEV).

MoU dimeterai pada 23 Disember lalu bersempena Majlis Konvokesyen PERHEBAT Ke-52 disaksikan Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu, selaku wakil rasmi Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Dalam teks ucapan dibacakan Menteri Pertahanan, Perdana Menteri, meminta kerjasama pihak swasta terus dipertingkatkan bagi membantu nasib veteran dan pesara angkatan tentera yang rata-ratanya pencen pada usia masih muda.

Sudah semestinya program latihan bersesuaian dengan pengalaman dan kepakaran mereka perlu dilaksana bagi memastikan kebolehan mereka dapat digunakan bagi tujuan menjana pendapatan dan sosioekonomi.

Tidak terhenti setakat itu, usaha diteruskan melalui kerjasama Akademi Binaan Malaysia (ABM) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia bagi memperakukan setiap program dijalankan UMP Advanced.

Selaku agensi yang memegang akta berkaitan industri pembinaan di Malaysia, diharap peserta yang menjalani latihan di UMP Advanced berkualiti, berkelayakan dan memenuhi kehendak pasaran.